



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

30/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KEMPEN GALAK BERKELUARGA DIPERGIATKAN TAHUN DEPAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/29/kempen-galak-berkeluarga-dipergiatkan-tahun-depan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/984445/womens-ministry-teams-i-city-offer-rm84mil-worth-discounted-packages	NST.COM.MY
	https://www.theborneopost.com/2023/11/29/ministry-encourages-people-to-marry-young-start-families-early/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2249403	BERNAMA.COM
	https://siakapkei.my/2023/11/29/kpwkm-adakan-program-galak-rakyat-bina-keluarga-tingkat-kadar-kelahiran/	SIKAPKEI.MY
	https://thesun.my/local/kpwkm-encourages-people-to-marry-young-start-families-early-JI11809653	THESUN.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-adakan-program-galak-rakyat-bina-keluarga-tingkat-kadar-kelahiran-448078	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/kadar-kelahiran-rendah-kempen-bina-keluarga-tahun-depan/	UTUSAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/11/program-galak-rakyat-bina-keluarga-bermula-tahun-depan-tingkat-kadar-kelahiran/	SELANGORKINI.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2249404	BERNAMA.COM
	https://borakdaily.com/kerjasama-kpwkm-i-city-manfaat-rm8-4-juta-pupuk-semangat-kekeluargaan/	BORAKDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SELIAAN KANAK-KANAK, IBU BAPA PELIHARAAN ATAU OYLS ELAK KES PENDERAAN	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/seliaan-kanakkanak-ibu-bapa-peliharaan-atau-oyls-elak-kes-penderaan-x8q1vug	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=tyWIL5X9UuA	YOUTUBE
	https://themerdekatimes.com/news/2023/11/seliaan-berkala-tiga-bulan-sekali-jamin-keselamatan-kanak-kanak-nancy-shukri/	THEMERDEKATIMES.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

30/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KES PENDERAAAN SEKSUAL KANAK-KANAK TERTINGGI SETAKAT OGOS 2023 - NANCY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-penderaan-seksual-kanakkanak-tertinggi-setakat-ogos-2023-nancy-447990	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/dewan-rakyat-penderaan-seksual-kanak-kanak-catat-kes-tertinggi-tahun-ini/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1183233/dera-seksual-kanak-kanak-kes-tertinggi-dikendali-jkm	BHARIAN.COM.MY
	https://bebasnews.my/2023/11/29/1603-kes-penderaan-seksual-kanak-kanak-setakat-ogos/	BEBASNEWS.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=oNqZ9Pu8uAo	ASTROAWANI.COM
	https://www.scoop.my/news/140417/30-of-5000-child-abuse-cases-involve-sexual-abuse-nancy-shukri/	SCOOP.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/637091/berita/nasional/penderaan-seksual-kanak-kanak-kes-tertinggi-dikendali-jkm---nancy	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035239/dera-seksual-kanak-kanak-kes-tertinggi-dikendali-jkm	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/penderaan-seksual-kanak-kanak-kes-paling-banyak-dikendalikan-jkm/	BULETINTV3.MY
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-kendali-1-240-kes-penderaan-kanak-kanak-setakt-ogos-tahun-ini	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/984339/jkm-handles-over-5000-cases-child-abuse-and-neglect-nancy-shukri	NST.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/29/welfare-dept-took-on-5200-cases-involving-kids-from-jan-aug-dewan-rakyat-told	THESTAR.COM.MY
	https://www.sinardaily.my/article/213250/malaysia/national/child-sexual-abuse-cases-tops-jkms-list---nancy	SINARDAILY.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/29/jkm-kendali-1240-kes-penderaan-fizikal-kanak-kanak-januari-hingga-ogos-2023/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

30/11/2023

<https://ismaweb.net/2023/11/29/jkm-kendali-lebih-5000-kes-dera-kanak-kanak/>

ISMAWEB.BET

<https://www.kosmo.com.my/2023/11/29/kes-penderaan-seksual-kanak-kanak-paling-tinggi-dikendalikan-jkm-nancy/>

KOSMO.COM.MY

<https://www.youtube.com/watch?v=UjiIZ8iHpsg>

YOUTUBE

<https://www.youtube.com/watch?v=GqzAux7jtxM>

YOUTUBE

<https://www.dailyexpress.com.my/videos/video.cfm?Show=mJq4d5yHr mQ>

DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PUSAT SUBFERTILITI PERTAMA NEGARA BANTU TINGKATKAN KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1183009/pusat-subfertiliti-pertama-negara-bantu-tingkatkan-kadar-pertumbuhan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KEBOLEHAN IBU BAPA MENJAGA ANAK DAN PENILAIANNYA JADI FOKUS DEWAN RAKYAT	
	https://harapandaily.com/kebolehan-ibu-bapa-menjaga-anak-dan-penilaiannya-jadi-fokus-dewan-rakyat/	HARAPANDAILY.COM
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/29/ibu-bapa-jagaan-sejauh-mana-kanak-kanak-selamat/	HARAKAHDAILY.NET



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

30/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	AMENDMENTS TO SUHAKAM ACT STRENGTHEN ITS ROLE IN CHILDREN'S ISSUES	
	https://thesun.my/local/amendments-to-suhakam-act-strengthen-its-role-in-children-s-issues-HJ11810250	THESUN.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1183278/suhakam-perlu-tumbuh-gigi-baru-boleh-ada-taring	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pindaan-akta-suhakam-kukuhkan-peranan-dalam-isu-kanakkanak-448094	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/637219/berita/nasional/pindaan-akta-suhakam-kukuhkan-peranan-isu-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PENCERAIAN PASANGAN ISLAM TERENGGANU NAIK 20 PERATUS	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/29/penceraian-pasangan-islam-terengganu-naik-20-peratus/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035448/berhubung-dengan-kekasih-lama-punca-cerai-meningkat-di-terengganu	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1183275/bertemu-kekasih-lama-di-laman-sosial-galak-kes-cerai-di-terengganu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/29/jumpa-kekasih-lama-punca-kes-cerai-di-terengganu-naik-kata-exco/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	UM & TLDM JALIN KERJASAMA PERKASA PENYERTAAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN	
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/um-tldm-jalin-kerjasama-perkasa-penyertaan-wanita-dalam-pembangunan	BERITA.RTM.GOV.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

30/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	2 DISYAKI IBU BAPA 4 BERADIK DITINGGAL DI PONDOK PENGAWAL DITAHAN	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/29/2-disyaki-ibu-bapa-4-beradik-ditinggal-di-pondok-pengawal-ditahan/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182975/2-ditahan-dipercayai-ibu-bapa-empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-ditahan-dipercayai-ibu-bapa-kepada-4-beradik-ditinggalkan-447951	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/seorang-lelaki-dan-wanita-ditahan-kes-empat-beradik-ditinggalkan-tanpa-jagaan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035205/dua-individu-dipercayai-ibu-bapa-tinggal-empat-beradik-kena-tahan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PENGANGGUR DIDAKWA AMANG SEKSUAL DUA KANAK-KANAK DI PPS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/637185/berita/semasa/penganggur-didakwa-amang-seksual-dua-kanak-kanak-di-pps	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/warga-emas-dituduh-lakukan-amang-seksual-terhadap-dua-kanak-kanak-perempuan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2249293	BERNAMA.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-dua-kanakkanak-di-pps-448059	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

30/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PENDUDUK SAYU LIHAT BAYI MENANGIS TEPI SAWAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/29/penduduk-sayu-lihat-bayi-menangis-tepi-sawah/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1183200/tinggal-bayi-tepi-jalan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=qMff1NTJBKo	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=P6fRIUdjfxo	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=pW9GDU6lswg	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=XyloW71DUGw	YOUTUBE
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/29/bayi-perempuan-ditinggalkan-dalam-semak-di-bbs	UTUSANBORNEO.COM.MY



Kempen galak berkeluarga dipergiatkan tahun depan

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS 29 November 2023, 5:06 pm



Nancy (dua kiri) melihat fasiliti yang ada di Immersive Winterland@i-City di sini, hari ini. FOTO OLEH AFIQ RAZALI/KOSMO!

SHAH ALAM – Kempen menggalakkan rakyat negara ini untuk berkahwin dan membina keluarga akan dipergiatkan tahun depan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya peka dengan kadar kelahiran yang rendah pada tahun lalu seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Oktober lalu.

“Bagi memantapkan institusi keluarga (dan mengurangkan kadar perceraian), kita juga mengadakan bulan keluarga setiap November untuk menggalakkan silaturrahim.

“Justeru, kita bercadang mengadakan program (seminar) tempatan dan antarabangsa bagi menggalakkan orang muda berkahwin supaya mendapat zuriat,” katanya selepas merasmikan Immersive Winterland@i-City di sini hari ini.

Media sebelum ini melaporkan kadar kesuburan keseluruhan (TFR) 1.6 anak bagi setiap perempuan berusia 15 hingga 49 tahun pada tahun lalu direkodkan paling rendah sejak lima dekad lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin memaklumkan data tahun lalu itu juga direkod menurun berbanding 1.7 kadar kesuburan pada tahun sebelumnya.

Mengulas mengenai kerjasama kementeriannya dengan i-City, Nancy memberitahu ia memberikan manfaat RM8.4 juta dalam bentuk tawaran diskaun harga rendah pakej aktiviti keluarga semasa cuti sekolah sebagai usaha memupuk semangat kekeluargaan dalam masyarakat.

Ujarnya, pembukaan Immersive Winterland@i-City juga amat sesuai untuk terapi kanak-kanak autisme yang memerlukan perhatian khusus.

“Inisiatif i-City melancarkan Immersive Winterland adalah seiring dengan trend semasa yang memanfaatkan teknologi dalam permainan dan pendidikan kanak-kanak. Seterusnya, boleh dilakukan bersama-sama keluarga bagi merapatkan hubungan kekeluargaan,” katanya.

Diskaun harga serendah RM120 bermula 1 Disember ini hingga 31 Mac depan boleh didapati menerusi laman sesawang <https://iticketi-city.my>. -KOSMO! ONLINE



Kes penderaan seksual kanak-kanak tertinggi setakat Ogos 2023 - Nancy

Firdaus Azil
November 29, 2023 11:41 MYT



Setakat Ogos 2023, kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan kes tertinggi dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan 1,603 kes, kata Datuk Seri Nancy Shukri.

KUALA LUMPUR: Setakat Ogos 2023, kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan kes tertinggi dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan 1,603 kes, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia diikuti dengan kes pengabaian terhadap kanak-kanak dengan 1,530 kes, 156 kes dibuang ibu bapa atau tiada ibu bapa, 73 kes melibatkan penderaan emosi, dan 614 kes lagi akibat faktor lain-lain.

"Kanak kanak yang diselamatkan ini ada yang masih ditempatkan di bawah institusi JKM, ada yang bersama ibu bapa angkat, atau Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS), dan kembali ke pangkuan keluarga asas setelah dinilai keluarga itu tidak lagi mendatangkan risiko memudaratkan kepada kanak kanak tersebut," katanya lagi.

Nancy berkata demikian menjawab soalan tambahan William Leong Jee Keen (PH-Selayang) mengenai statistik kanak-kanak didera yang memerlukan perlindungan.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (PN – Langkawi), Nancy berkata, garis panduan penempatan kanak-kanak dengan OYLS meliputi prosedur operasi standard (SOP) selepas mereka bersama dengan keluarga tersebut.



Kes penderaan seksual kanak-kanak tertinggi setakat Ogos 2023

"Selepas penempatan bersama OYLS, pelindung atau individu yang dilantik mahkamah bagi kanak kanak, sama ada ahli pasukan atau individu yang difikir sesuai, akan menjalankan seliaan ke atas kanak kanak dan OYLS setiap tiga bulan mengikut tempoh perintah mahkamah.

"Pelindung akan membuat janji temu dengan OYLS bersama pelindung JKM, hadir ke pejabat JKM atau buat lawatan ke rumah. Perbincangan bersama kanak kanak atau OYLS dibuat dua kaedah - berasingan atau bersama, menilai keperluan kanak kanak, serta strategi dan perancangan bagi memenuhi peranan keluarga.

"Pelindung juga boleh melawat sekolah atau tempat kerja, dan adakan perbincangan dengan guru atau majikan mengenai isu serta penyelesaian dan menilai kemajuan kanak kanak tersebut," katanya lagi.



Pusat Subfertiiliti Pertama Negara bantu tingkatkan kadar pertumbuhan penduduk

November 29, 2023 @ 10:26am



Pusat Subfertiiliti Negara bakal dibina di Shah Alam tahun depan sedia pelbagai kemudahan perkhidmatan keapakan rawatan kesuburan memeluruh keada osanan vano cerukan rawatan.

Kuala Lumpur: Pusat Subfertiiliti Negara (PSN) pertama di Malaysia yang bakal dibina di Shah Alam, Selangor pada tahun depan dan dijangka beroperasi pada 2030 akan menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan keapakan rawatan kesuburan menyeluruh kepada pasangan yang memerlukan rawatan kesuburan dari seluruh negara.

Pusat itu mengandungi pelbagai komponen perkhidmatan subfertiiliti dan mempunyai sektor perbadiran, separan dan rawatan klinikal serta makmal diagnostik yang membolehkan pelbagai keapakan rawatan dalam memberi perkhidmatan subfertiiliti terbaik negara.

Menkerti Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pembinaan pusat yang menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga secara komprehensif itu membabitkan peruntukan RM171 juta.

Bellau berkata, penubuhan pusat ini seperti diluluskan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga yang komprehensif, termasuk berfungsi sebagai pusat koordinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini dan latihan keapakan di Malaysia.

Katanya, PSN dilihat sebagai tepat pada masanya memandangkan sejak lima dekad lalu, kadar kesuburan penduduk negara mencatatkan penurunan daripada 6.7 orang anak bagi seorang wanita pada 1957 kepada 1.6 orang anak pada 2022, lalu kadar ferendeh pernah dicatatkan negara.

"Penurunan kadar kesuburan di negara ini secara tidak langsung mempercepatkan proses Malaysia sebagai negara tua menjelang 2044 apabila 15 peratus daripada kesuburan penduduk mencecah usia 60 tahun ke atas.



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited dalam menyediakan perkhidmatan untuk meningkatkan tahap kesuburan rakyat.

"Jika kadar kesuburan terus menurun dengan kadar semasa dan tiada intervensi diambil bagi menangani situasi ini, penduduk negara ini dijangka mencapai jumlah maksimum 46 juta orang pada 2071 sebelum mengalami penguncupan penduduk pada tahun berikutnya.

"Seiring dengan penurunan kadar kesuburan, saiz purata isi rumah atau saiz keluarga di negara ini turut mengalami pengurangan, lalu daripada 4.8 orang pada 1991 kepada empat orang pada 2014.

"Ini secara tidak langsung mengganggarkan sumber sokongan sosial keluarga semakin berkurangan dan terhad, terutama dalam memenuhkan tanggungjawab penjagaan terhadap warga tua," katanya.

15 resolusi dihasilkan

Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKG 23) bertemakan Penduduk dan Keluarga Mampan, Membangun Malaysia MADANI yang diadakan di Putrajaya pada 21 dan 22 November lalu turut mengadakan sesi meja bulat mengenai isu kesuburan serta implikasinya terhadap pertumbuhan dan struktur penduduk negara ini.

Hasil persidangan itu, 15 resolusi dihasilkan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah menteri pada waktu terdekat.

Nancy berkata, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menawarkan perkhidmatan subfertiiliti sejak 1979 menerusi tiga klinik mengikut zon iaitu Klinik Subfertiiliti Pulau Pinang (Zon Utara), Klinik Subfertiiliti Kuala Lumpur (Zon Tengah) dan Klinik Subfertiiliti Johor Bahru (Zon Selatan).



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited dalam menyediakan perkhidmatan untuk meningkatkan tahap kesuburan rakyat.

Bellau berkata, perkhidmatan subfertiiliti seperti kaunseling, ubatan kesuburan dan prosedur khusus seperti Intrauterine insemination (IUI) serta Teknologi Bantuan Konsepsi termasuk In-Vitro Fertilization (IVF) dan Intra-Cytoplasmic Sperm Injection (ICSI) ditawarkan pada kos berpatutan berbanding fasiliti swasta kepada semua pasangan berketiwan yang layak. Bagaimanapun, katanya, setakat ini, fasiliti LPPKN ini hanya mampu menawarkan perkhidmatan subfertiiliti kepada 6,000 hingga 7,000 orang setahun.

"Menerusi pembinaan PSN yang bakal menjadi pusat sehati, ia menyediakan perkhidmatan subfertiiliti lebih komprehensif dan menyeluruh bagi pasangan yang memerlukan rawatan tenaga pakar dalam bidang kesuburan menerusi teknik rawatan terbaru dan moden.

"Perkhidmatan subfertiiliti ditawarkan pada kos kompetitif dan mampu kepada pelanggan, terutama golongan B40 dan M40 mempunyai keangan menjalankan rawatan kesuburan," katanya.


Fasiliti lebih moden

Nancy berkata, PSN bakal menyediakan perkhidmatan subfertiiliti sekurang-kurangnya tiga kali ganda pelangan setahun berbanding sekarang memandangkan lebih ramai tenaga pakar dan fasiliti lebih moden disediakan untuk memampung keperluan mereka yang bermasalah kesuburan dalam negara.

Bellau berkata, PSN juga menjadi pusat menyelaras Data Sub-fertiiliti Kebangsaan daripada agensi kerajaan dan swasta supaya masalah kesuburan dalam negara lebih terawal dan dipantau kerajaan.

"Selain menyediakan perkhidmatan subfertiiliti, PSN bakal menjadi pusat melatih pengamal perubatan supaya lebih kompeten dalam bidang itu dengan anggaran melibatkan sekurang-kurangnya 10 pakar dalam bidang subfertiiliti setiap tahun.

"Ini kerana PSN juga bakal mengumpulkan pakar kesuburan dari seluruh Malaysia, selain itu menarik perhatian warga asing mendapatkan perkhidmatan sub-fertiiliti berfasil dunia pada harga kompetitif, sekali gus menyumbang kepada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui pelancongan kesihatan," katanya.



Kebolehan ibu bapa menjaga anak dan penilaiannya jadi fokus Dewan Rakyat

Sesi jawab lisan Dewan Rakyat pada pagi ini menyaksikan persoalan mengenai kriteria kebolehan ibu bapa menjaga anak dan mekanisme kontingensi bagi memastikan pegawai Jabatan Kebajikan tidak menyalahguna kuasa ketika membuat penilaian.

Soalan ini ditanya oleh William Leong Jee Kern (PH-Selayang) kepada Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri.


V Ganabattirau (PH-Klang) pula meminta perancangan kerajaan untuk sekolah jenis kebangsaan Tamil memandangkan peruntukan tahunan semakin menurun.

Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 akan dibentang buat kali pertama.

RUU ini dibuat sebagai langkah perundangan untuk menjaga kedaulatan negara susulan dari kes percubaan rampasan aset negara oleh kumpulan dari Sulu.

Dua RUU utama yang akan dibacakan buat kali kedua ialah RUU Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 dan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dibentangkan tanpa peruntukan mengharamkan rokok untuk mereka yang lahir pada tahun 2005.



Penceraian pasangan Islam Terengganu naik 20 peratus

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN 29 November 2023, 4:54 pm



Gambar hiasan.

KUALA TERENGGANU – Kes penceraian dalam kalangan pasangan Islam di Terengganu meningkat 20 peratus dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Terengganu, Maliaman Kassim berkata, sebanyak 1,855 kes penceraian telah direkodkan di negeri ini sejak awal tahun ini.

“Dalam tempoh sama pada tahun lalu, sebanyak 1,656 kes perceraian telah berlaku. Banyak alasan pasangan untuk bercerai agak remah, mungkin mahu menyembunyikan masalah sebenar,” katanya pada sesi penggulungan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu di sini hari ini.

Maliaman (Pas-Ajil) berkata, antara alasan bercerai diberikan ialah gangguan orang ketiga, pengaruh media sosial, masalah kewangan dan pegangan agama lemah.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan negeri Terengganu akan memperhebatkan lagi program kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat bagi mengatasi masalah perceraian yang agak tinggi berkenaan.

“Saya rasa tercabar juga lah sebab saya pengerusi portfolio keluarga dan pembangunan wanita (Terengganu).

“Jadi, kita melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu akan ambil berat tentang masalah ini,” katanya. – KOSMO! ONLINE



UM & TLDM jalin kerjasama perkasa penyertaan wanita dalam pembangunan

Kategori: Kolumnis - Masa Membaca: 3 mins - Jumlah kunjungan: 139



Penulis (kiri) dan pasukan penyelidik bersama Kdr Ts Dr Muhamad Zafran Whab, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, TLDM Lumut/Foto UM

SAUDARA PENGARANG

Halangan jantina terhadap kepimpinan telah mendorong perkembangan seluruh dunia ke arah memartabatkan keperluan mandatori perwakilan wanita dalam jawatan pengurusan. Sebahagian daripada matlamat Rancangan Malaysia Ke-10 adalah untuk meningkatkan bilangan wanita dalam lembaga korporat kepada 30 peratus.

Selain itu, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 Malaysia, selaras dengan konsep kesaksamaan, telah menjadikan wanita sebagai satu fokus utama, untuk memastikan tiada sesiapa yang ditinggirkan. Bagaimanapun, di samping kemajuan dalam sistem kuota jantina, wanita masih menghadapi diskriminasi dan merupakan minoriti yang dipertimbangkan untuk jawatan kepimpinan. Ia sering menjejaskan kebolehan dan menghalang pemerkasaan golongan wanita yang sering dikaitkan sebagai lemah dan kurang berdaya saing.

Atas kesedaran itu, sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya (UM) telah menjalankan pengumpulan data di Kem Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berpangkalan di Lumut, Perak. Tujuan pengumpulan data tersebut adalah untuk mencapai objektif projek penyelidikan berkenaan isu memperkukuh penyertaan dan pemerkasaan wanita dalam pembangunan ekonomi di Malaysia.

Projek bertajuk "Memahami Naratif Wanita dan Memperkukuh Penyertaan dan Pemerkasaan Wanita dalam Pembangunan Ekonomi," dibiayai melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Impact-Oriented Interdisciplinary Research Grant (IIRG) Programme. Projek diketuai oleh Profesor Madya Dr Raida Abu Bakar dan dibantu tiga pensyarah dari Universiti sama, iaitu Profesor Madya Dr Sharmila Jayasingam, Datin Dr. Rosmawani Che Hashim dan Dr. Safiah Omar.

Konsep penyelidikan ini adalah pendokumentasian pengalaman wanita dari tempat kerja berbeza, seperti organisasi dipelopori oleh lelaki yang berorientasikan pencapaian dan kecenderungan untuk mengambil kepimpinan; dan organisasi secara tradisinya didominasi oleh wanita yang berkaitan dengan empati dan sensitiviti emosi serta dikaitkan dengan sikap stereotaip wanita. Menurut kajian ini, mungkin terdapat jangkaan berbeza untuk pemimpin wanita; oleh itu adalah penting untuk memahami situasi dalam kedua-dua konteks.

Menurut Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Raida Abu Bakar, kajian tersebut sangat relevan dengan banyak dasar kerajaan mengenai penyertaan wanita. Sejak beberapa dekad lalu, Malaysia telah membuat pelbagai inisiatif dalam memperkasakan wanita di tempat kerja.

Kajian juga berfungsi sebagai asas dalam membimbing pindaan dasar-dasar kuota jantina semasa. Objektifnya adalah untuk menyediakan rangka kerja institusi yang memberikan pandangan holistik tentang dasar kuota jantina dan mencadangkan pelan tindakan baharu yang bersesuaian untuk kepimpinan wanita.

Bagi tujuan sampel kajian, institusi ketenteraan telah dipilih sebagai mewakili institusi yang didominasi oleh kakitangan lelaki. Kajian seterusnya akan dijalankan di institusi pendidikan, kerana institusi tersebut kebiasaannya didominasi oleh kakitangan wanita.

Satu kajian rintis telah diadakan. Para penyelidik mengadakan pertemuan dengan 40 kakitangan TLDM Lumut, Perak yang terdiri daripada 20 orang lelaki and 20 orang wanita bagi mendapatkan maklum balas tentang kuota jantina yang diamalkan dalam kalangan anggota tentera.

Setiap peserta diberi satu daripada lapan senario bertulis yang menggambarkan situasi hipotesis yang berkaitan dengan kepimpinan wanita. Selepas membaca senario tersebut, para peserta telah diminta untuk mengisi borang soal selidik yang berkisar tentang aspirasi kepimpinan mereka.

Setelah selesai, peserta lelaki dikehendaki bersurai sementara peserta wanita diminta untuk menonton video; berkisar tentang pemilihan seorang ketua dalam sesebuah organisasi dan peserta dikehendaki menjawab beberapa soalan berkenaan dengan kriteria untuk memilih seorang ketua.

Dapatan daripada kajian rintis itu telah memberi ruang kepada penyelidik untuk melihat lebih dekat persepsi mengenai kepimpinan wanita dalam kalangan anggota TLDM, selain mendapatkan input bagi menambah baik set soalan bagi siri kajian seterusnya.

Kerjasama dengan TLDM ini diharapkan dapat membina perspektif baharu dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi wanita, bukan sahaja dalam institusi ketenteraan, malah dalam institusi lain di seluruh negara.

Sesuai dengan naratif Malaysia MADANI yang turut memberi penekanan terhadap penyertaan rakyat yang saksama dalam semua aspek aktiviti ekonomi, dapatan kajian ini kelak akan kekal relevan, walaupun bermula dengan berlatar belakang kerangka ekonomi yang terdahulu.

PENULIS DR. ROSMAWANI CHE HASHIM antara penyelidik kajian dan merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Pengganggu didakwa amang seksual dua kanak-kanak di PPS

29 November 2023 05:13pm Masa membaca: 1 minit



Gambar hiasan

KUALA TERENGGANU - Seorang pengganggu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak perempuan di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi mangsa banjir, minggu lepas.

Mohammed Rashid Rahmat, 61, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya itu dibacakan di hadapan Hakim Nooriah Osman.


Berdasarkan pertuduhan pertama dan kedua, Mohammed Rashid didakwa melakukan perbuatan itu ke atas mangsa yang masing-masing berusia tujuh tahun empat bulan dan tujuh tahun lima bulan di pekarangan koridor PPS di sebuah sekolah rendah di daerah Kuala Nerus antara jam 6 petang hingga 8 malam pada 22 November lepas.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin dan mengenakan syarat tambahan agar melapor diri di Balai Polis Gong Badak setiap 1 hari bulan sehingga kes selesai serta tidak dibenarkan mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan sepanjang prosiding.

Mahkamah menetapkan 31 Disember ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Intan Nor Hilwani Mat Rifin manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Nurul Najmi Adila Md Nasir. - Bernama



TAJUK : ISTERI BERMADU PERLU BIJAK DAMAIKAN EMOSI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 24

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Isteri bermadu perlu bijak damaikan emosi



Luah perasaan di tempat yang betul elak keadaan bertambah kusut

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tidak semua wanita reda dengan tindakan suami berkahwin satu lagi kerana dikhuatiri akan wujud pelbagai konflik seperti tiada keharmonian dan kerapuhan dalam rumah tangga yang dibina.

Lebih parah jika suami gagal menunaikan tanggungjawab yang adil dari segi kasih sayang dan nafkah dan banyak lagi.

Pakar Psikologi dan Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Fauziah Mohd Saad, berkata sesetengah wanita tidak reda menerima keadaan kerana berasakan diri tidak selamat kerana perlu bergantung sepenuhnya kepada suami, terutama dari

segi nafkah.

"Ini menjadikan mereka terlalu banyak berfikir dan berbahaya kepada kesihatan mental. Justeru, mereka perlu mempunyai kumpulan sokongan dalam kalangan insan boleh dipercayai seperti ahli keluarga dan rakan terdekat untuk memberi kata-kata semangat yang positif.

"Jika meluahkan di media sosial, bimbang akan dihentam netizen yang akan membuatkan hati bertambah sakit. Jadi, wanita perlu bijak dan berhati-hati dalam meluahkan masalah kerana tujuan utama untuk mengurangkan rasa marah.

"Penting untuk meluahkan perasaan bagi mengurangkan

tekanan dan kemurungan.

"Ada pesakit saya sudah berusaha menerima dan cuba reda, namun masih gagal dan mengambil keputusan bercerai. Oleh itu, dalam perkahwinan komunikasi antara suami isteri amat penting.

"Ramai isteri mahu sempurna dalam pelbagai aspek, termasuk belajar memasak, berbandan, mencantikkan diri untuk suami dan sebagainya," katanya.

Fauziah berkata, Islam tidak melarang suami berkahwin lebih daripada satu, namun apa yang penting adalah penerimaan isteri pertama.

Justeru, nasihatnya isteri perlu tahu cara menerimanya

dengan baik dan mencari perkara yang baharu dalam hidup supaya tidak terlalu memikirkan keadaan yang berlaku.

Katanya, mental dan emosi lebih penting dijaga terutama perasaan anak supaya tidak mengheret mereka kepada situasi lebih sulit.

Jangan kutuk, komen

Sementara itu, Pensyarah Fiqh Fatwa Kontemporari, Pusat Kajian Syariah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, berkata perbuatan mengeji, mencaci atau mengutuk tanpa mengetahui isu rumah tangga seseorang di dalam media sosial tidak seharusnya berlaku.

Orang ramai sepatutnya mendoakan yang mereka dan keluarga tidak ditimpa ujian sedemikian rupa.

"Warganet perlu berhati-hati

'menghentam' dan mengatakan secara membuta tuli tanpa mengetahui hal sebenar berlaku.

"Saya juga ingin menasihati supaya elak daripada menggunakan istilah atau komen yang tidak elok kepada golongan berpoligami selagi adil dalam semua perkara.

"Malah, mereka berkahwin dengan cara yang betul kerana mahu menghindari daripada perbuatan zina," katanya.


Perkara positif yang dapat dilihat dalam keadaan sedemikian adalah apabila isteri pertama reda dengan perbuatan suami dan rela bermadu.

"Saya berharap semua orang bertenang dan banyakan berdoa semoga Allah memberikan yang terbaik untuk mereka dan juga kepada keluarga kita," katanya.

“Mereka perlu mempunyai kumpulan sokongan dalam kalangan insan boleh dipercayai seperti ahli keluarga dan rakan terdekat untuk memberi kata-kata semangat yang positif”

Fauziah Mohd Saad,
Pakar Psikologi dan Kaunseling UPSI





TAJUK : PINDAAN RUU KEMBALIKAN SEMULA 'TARING' SUHAKAM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sidang Dewan Rakyat

Pindaan RUU kembalikan semula 'taring' SUHAKAM

Kerajaan yakin ekosistem hak asasi manusia bertambah baik

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 adalah permulaan kepada usaha mengembalikan 'taring' Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), terutama bagi memantau isu berkaitan kanak-kanak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata RUU bagi meminda Akta Su-

ruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 membuktikan komitmen kerajaan untuk memartabatkan hak dan kebebasan rakyat negara ini.

"Saya setuju bahawa kita mahu SUHAKAM 'bertaring' tetapi sebelum itu, 'gigi' kena tumbuh dulu. Ini yang ingin kita lakukan, tumbuhkan 'gigi' SUHAKAM dan mungkin dalam tempoh 20 tahun, akan tumbuh panjang.

"Kerajaan buat pindaan ini selepas 20 tahun, justeru kita berterima kasih kepada semua ahli Parlimen yang sedar ini adalah

isu yang tak boleh ditinggalkan.

"Ia dibaca kali kedua hari ini (semalam) supaya menjadi kayu ukur sebenar keagungan negara yang memartabatkan hak dan kebebasan rakyatnya," katanya ketika menggulung perbahasan RUU SUHAKAM (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat, semalam.

19 YB ambil bahagian

Seramai 19 ahli Parlimen mengambil bahagian dalam perbahasan RUU berkenaan.

Melalui pindaan itu, Azalina berkata, kerajaan yakin eko-

sistem hak asasi manusia akan bertambah baik dan Suruhanjaya Kanak-Kanak dapat menjalankan fungsi dan kuasanya dengan lebih efektif.

"Kelulusan pindaan ini akan memberikan mesej kepada dunia bahawa rakyat Malaysia dan ahli politik kita bersatu hati demi isu hak asasi manusia.

"RUU ini juga dapat membantu kerajaan mencapai perkataan ehsan dalam (kerangka) MADANI," katanya.


Terdahulu, Azalina menjelaskan, isu kanak-kanak bukan hanya ditangani oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), tetapi melibatkan pelbagai agensi, yayasan dan jabatan.

"Ada 21 pihak bertanggungjawab termasuk Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Orang Asli dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," katanya.

“Kerajaan buat pindaan ini selepas 20 tahun, justeru kita berterima kasih kepada semua ahli Parlimen yang sedar ini isu yang tak boleh ditinggalkan”



Azalina Othman Said,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)



TAJUK : PROGRAM GALAK GENERASI MUDA BERKAHWIN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 17

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Program galak generasi muda berkahwin

Shah Alam: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan mengadakan program bagi menggalakkan rakyat, khususnya golongan muda berkahwin, sekaligus membantu meningkatkan kadar kelahiran.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya merancang mengadakan program galakan seumpama itu pada tahun hadapan selepas melihat kadar kelahiran yang rendah tahun lepas, seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

"Insya-Allah pada tahun hadapan kita akan mengadakan beberapa program berkaitan (galak orang muda berkahwin). Kita juga akan mengadakan beberapa perbincangan di semua peringkat supaya menggalakkan masyarakat kita (terutama) orang muda kahwin (awal), bagi mendapat zuriat.

"Ia juga bagi memantapkan institusi keluarga (dan mengurangkan kadar perceraian). Kita juga mengadakan bulan keluarga setiap November untuk menggalakkan silaturahim," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau turut menggalakkan kerjasama sektor awam dan swasta bagi me-

mupuk semangat kekeluargaan dalam masyarakat.

KPWKM, i-City bekerjasama

Nancy berkata, kerjasama KPWK dengan i-City sempena program Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), 'One Shah Alam, One Destination' dilihat sebagai kerjasama baik apabila rakyat Malaysia boleh menikmati diskaun harga rendah bagi pakej aktiviti yang ditawarkan.

"Ini satu daripada kerjasama awam-swasta yang amat bermakna dalam memupuk semangat kekeluargaan dengan tawaran diskaun buat 100,000 keluarga di seluruh Malaysia.

"Diskaun harga rendah ini bukan sekadar memberi kelegaan kewangan kepada keluarga pada musim cuti ini, malah diharapkan menjadi antara cara memperkukuh nilai keluarga dalam masyarakat kita dengan peluang menyertai aktiviti yang ditawarkan bersama keluarga," katanya.

Nancy berkata, pembukaan Immersive Winterland@i-City juga amat sesuai untuk terapi kanak-kanak autisme yang memerlukan perhatian khusus.

BERNAMA



Nancy (dua dari kiri) diiringi Pengerusi i-Berhad, Tan Sri Lim Kim Hong (tengah) meninjau sekitar Immersive Winterland di iCity, Shah Alam pada majlis perasmianya, semalam. (Foto Faiz Anuar)



TAJUK : 1,603 HINGGA OGOS LALU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KES PENDERAAAN SEKSUAL KANAK-KANAK PALING TINGGI

1,603 hingga Ogos lalu

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dewan Rakyat semalam diberitahu penderaan seksual terhadap kanak-kanak adalah kes tertinggi dikendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan 1,603 kes sehingga Ogos lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia diikuti kes pengabaian terhadap kanak-kanak dengan 1,530 kes.

Katanya, JKM juga mengendalikan 1,240 kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak, 614 faktor lain-lain, 156 kes dibuang atau tiada ibu bapa dan 73 kes penderaan emosi.

"Kanak-kanak yang diselamatkan ini ada yang ma-



JKM mengendalikan 1,240 kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak.

sih ditempatkan di institusi JKM dan ada yang sudah ditempatkan bersama ibu bapa peliharaan," katanya pada sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan.


Beliau berkata demikian menjawab soalan tamba-

han William Leong Jee Ken (PH-Selayang) mengenai statistik kanak-kanak didera yang memerlukan perlindungan.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, kanak-kanak juga ada yang sudah kembali ke

pangkuan keluarga mereka.

"Ia selepas dinilai bahawa keadaan dalam keluarga mereka tidak lagi mendatangkan risiko yang memudaratkan kepada kanak-kanak terbabit," katanya.



TAJUK : IBU BAPA ABAI EMPAT BERADIK DITAHAN POLIS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DITINGGAL DI PONDOK JAGA

Ibu bapa abai empat beradik ditahan polis

Ipoh: Polis menahan dua individu dipercayai ibu bapa empat beradik yang ditinggalkan di hadapan pondok pengawal Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah dekat Kampung Gajah, 23 November lalu.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Supt Hafezul Helmi Hamzah berkata, kedua-dua individu itu ditahan berasingan selepas pihaknya menerima laporan mengenai kejadian daripada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kampung Gajah.

“Polis menahan lelaki terbabit pada Isnin lalu serta merampas motosikal Modenas Kriss biru serta pakaian digunakan semasa kejadian.

“Polis turut menahan seorang wanita dan merampas telefon bimbit. Kedua-duanya dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Perak Tengah untuk siasatan,” katanya dalam kenyataannya.

Hafezul Helmi berkata siasatan dilakukan di bawah Seksyen 33 (a) Akta

Kanak-Kanak 2001 kerana membiarkan kanak-kanak ditinggalkan tanpa pengawasan sewajarnya.

Menurutnya, siasatan berkenaan dijalankan dan orang awam dinasihatkan tidak menyebarkan sebarang maklumat atau berita tidak sahih yang boleh menggusarkan.

Pada Jumaat lalu, Hafezul Helmi berkata pihaknya menerima maklumat melalui pegawai JKM daerah jam 5.39 petang pada 23 November berhubung kejadian empat beradik termasuk seorang bayi dipercayai ditinggalkan di hadapan pondok pengawal kompleks berkenaan.

Beliau berkata kejadian jam 10.50 pagi itu membatikan dua kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun dan tiga tahun, bayi lelaki berusia 10 bulan dan kanak-kanak perempuan berusia enam tahun.

Katanya, berdasarkan keterangan, adik-beradik malang itu dipercayai ditinggalkan seorang wanita tidak dikenali yang menaiki kereta Toyota.



TAJUK : **KECUNDANG DI USIA MUDA**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **30 NOV 2023**

M/SURAT : **02**

STONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



LAPORAN Harian Metro, semalam.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Tak sanggup nak gugur anak

Remaja 15 tahun tak nak tambah dosa lepas beberapa kali terlanjur dengan teman lelaki

"Sudah cukup dosa ini (berzina), tidak sampai hati pula nak buat dosa lain dengan menggugurkan kandungan walaupun sejujurnya saya belum sedia untuk menjaganya (anak)," kata Mastura, 15 (bukan nama sebenar).

Menceritakan apa yang berlaku, mesra dengan panggilan Mas berkata, dia mengenali teman lelakinya yang juga sebaya dengannya melalui kenalan pada tahun lalu sebelum mereka mengadakan pertemuan beberapa kali.

"Dia pernah datang ke rumah saya di Cheng, Melaka ketika ibu bapa tiada di rumah. Kali pertama dia mengajak saya berhubung (seks), saya menolak. "Namun selepas beberapa kali dipujuk, akhirnya saya menyerah dan hubungan dilakukan selepas itu adalah atas dasar suka sama suka."

"Dianggarkan dua hingga tiga kali kami membuat perkara itu di rumah saya. "Hubungan kami juga ti-

"Selepas beberapa kali dipujuk, akhirnya saya menyerah dan hubungan dilakukan selepas itu adalah atas dasar suka sama suka"

Mastura

dak kekal apabila dia 'kan-toi' curang dan membuatkan saya memutuskan hubungan itu pada penghujung tahun lalu," katanya ketika ditemui di Rumah Perlindungan Kita di sini.

Mastura berkata, dia dapat berasaskan dirinya mengandung apabila tidak datang bulan selama beberapa bulan.

"Cikgu di sekolah juga mengesyaki sesuatu tidak kena apabila berlaku perubahan fizikal pada saya (perut besar) sebelum mendesak saya untuk bercerita sekiranya ada melakukan hubungan seks dengan teman lelaki.

"Apabila saya mengaku perkara itu, cikgu terus memaklumkan kepada ibu bapa sebelum mereka meminta saya menjalani ujian kehamilan yang mendapati positif.

"Saya juga dipukul bapa yang berasa amat sedih dan dia membuat keputusan untuk menghantar saya ke rumah perlindungan ini pada Ogos lalu," katanya yang memaklumkan satu laporan polis dibuat berhubung perkara itu.

Dia mengaku dirinya sedih dan menyesal selepas

didapati mengandung sehingga terfikir untuk menggugurkan kandungan berkenaan.

"Mula-mula waktu saya dapat tahu (mengandung), memang saya ada terfikir untuk menggugurkannya, namun ketika itu kandungan sudah enam bulan menyebabkan saya teruskan sahaja.

"Mengikut perancangan keluarga, bayi ini akan diserahkan kepada saudara kerana saya tidak bersedia lagi untuk menjaganya kerana mahu menghabiskan pelajaran sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Saya bertekad untuk berubah menjadi insan yang lebih baik selepas ini dengan berbekalkan ilmu agama dipelajari di rumah perlindungan ini," katanya.

'Ingat buat sekali dua tak akan mengandung'

Kuala Lumpur: "Saya ingat buat (seks) sekali dua tidak akan sampai mengandung, namun sangkaan saya meleset apabila didapati hamil," luah Diana, 17 (bukan nama sebenar).

Diana yang berasal dari Shah Alam, Selangor berkata, dia mengenali teman lelakinya, 17, yang belajar di sekolah yang sama pada Mei tahun lalu.

"Kami ada berjumpa di rumah saya sewaktu tiada orang lain (di rumah).

"Pada waktu itu, dia pujuk saya untuk berhubung (seks), namun saya tolak kerana takut.

"Namun dia yakinkan saya bahawa apa yang kami buat itu tidak akan menyebabkan saya mengandung kerana ia hanya 'ringan-ringan' sahaja.

"Saya percaya kata-kata dia menyebabkan saya tewas dan menyerah diri kepadanya sehingga berlakunya perkara terkandung itu beberapa kali termasuk di kawasan berhampiran sekolah," katanya ketika ditemui di Rumah Perlindungan Kita di sini.

Katanya, beberapa bulan kemudian, dia mendapati haidnya lambat tetapi tidak menyangka hamil kerana perkara itu kerap berlaku.

"Sebelum ini memang haid saya sering lambat, sebab itu saya tidak fikir apa-apa. Namun, ibu saya yang pelik dengan keadaan fizikal perut saya mengajak saya membuat pemeriksaan di sebuah hospital swasta.

"Pemeriksaan dilakukan itu mengesahkan saya hamil 26 minggu ketika itu. Ibu bapa saya marah dan sedih apabila dimaklumkan oleh doktor bahawa saya mengandung," katanya.



"Dia yakinkan saya bahawa apa yang kami buat itu tidak akan menyebabkan saya mengandung kerana ia hanya 'ringan-ringan' saja"

Diana

Menurutnya, berita kehamilannya dimaklumkan kepada teman lelaki serta ibu bapanya untuk berbincang mengenai perkara itu.

"Hasil perbincangan, teman lelaki memaklumkan mahu bertanggungjawab dan menghina saya sebaik sahaja selesai menjalani peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Disebabkan itu, tiada laporan polis dibuat. Saya juga mahu selesaikan dulu SPM sebelum berkahwin," katanya yang juga anak bongsu daripada tiga beradik.

Dia mengaku berasa sedih kerana mengecewakan ibu bapanya yang meletakkan harapan terhadapnya untuk berjaya dalam pelajaran.

"Memang mula-mula saya ada berasa mahu buang kandungan ini. Namun apabila difikirkan balik, dia (kandungannya) tak bersalah dan sebab itu saya simpan.

"Melihat kepada situasi sekarang, saya sedar dan faham kenapa orang tak bagi kita buat (seks) sebelum berkahwin. Cukup sekali perkara ini berlaku terhadap saya.

"Saya mahu ambil peluang berada di rumah perlindungan ini untuk belajar ilmu agama termasuk solat, mengaji dan lain-lain untuk menjadi insan lebih baik," katanya.



MARDINA

Ramai terlanjur lepas berkenalan di WeChat

Kuala Lumpur: Pertengahan tahun menjadi bulan kemasukan tertinggi pendaftaran wanita yang mengandung anak luar nikah di Rumah Perlindungan Kita di sini.

Bendahari dan penjaga di rumah perlindungan itu, Mardina Mohd Jamil, 45, berkata, pihaknya pernah

menerima kemasukan 25 wanita dalam satu masa.

Menurutnya, pihaknya menerima kemasukan paling tinggi pada Mei, Jun dan Julai dengan kebanyakan kes diterima memabatkan hubungan seks yang berlaku ketika musim sambutan tertentu seperti Tahun Baharu serta Hari Ke-

kasih.

"Dalam kes memabatkan remaja bawah umur, kebanyakan mereka terjebak dengan perhubungan seks bermula melalui perkenalan di media sosial terutamanya WeChat.

"Ada antara mereka menaku terlanjur pada pertemuan kali pertama se-

lepas masing-masing meluahkan ayat-ayat manis ketika berhubung di media sosial.

"Apabila berjumpa di luar, percintaan itu dirasakan seperti realiti yang indah sedangkan ayat-ayat manis diluahkan hanya sekadar taktik untuk mengambil kesempatan atas ke-

naifan mereka," katanya ketika ditemui di rumah perlindungan itu.

Mardiana berkata, lebih 400 wanita pernah menghuni rumah perlindungan itu sejak ia mula beroperasi pada Oktober 2015 dengan kebanyakan mereka terdiri daripada remaja bawah umur.



TAJUK : SEBAR INFO GANGGUAN SEKSUAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sebar info gangguan seksual

KPWKM laksana program AAGS tingkat kesedaran rakyat mengenai bahaya gangguan seksual

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Isu gangguan seksual bukanlah sesuatu yang baharu malah kadangkala sudah menjadi terlalu lazim atau normal kerana ramai menganggap perbuatan itu sekadar gangguan atau usikan untuk menarik perhatian.

Namun realitinya gangguan seksual adalah jenayah yang boleh memberi kesan buruk, bukan sahaja kepada mangsa malah keluarga dan persekitaran sekeliling mangsa.

Kesedaran mengenai isu gangguan seksual dalam kalangan rakyat Malaysia amat penting kerana isu ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada mangsa, khususnya wanita.

Bahkan, kesan dari gangguan seksual ini juga menjejaskan perkembangan psikologi dan fizikal mangsa, sekali gus mencalarakan kesejahteraan sosial masyarakat.

Gangguan seksual boleh didefinisikan sebagai apa-apa kelakuan tidak diinginkan yang bersifat seksual dalam apa-apa bentuk sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat, fizikal yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyenggang atau menghina atau suatu ancaman kepada kesejahteraannya.

Cabaran utama dalam menangani gangguan seksual ialah untuk memberikan kefahaman dan mendidik setiap lapisan masyarakat mengenai gangguan seksual itu sendiri.

Ini kerana sesetengah pelaku mungkin menganggap tindakan mereka sebagai jenaka yang tidak berbahaya. Namun, bentuk perkataan atau sentuhan adalah permulaan kepada berlakunya jenayah perlakuan seksual yang lebih berat seperti jenayah cabul dan rogol.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggubal Akta Antigungguan Seksual 2022 (Akta 840), sebagai akta khusus untuk menangani kesalah-gangguan seksual.

Akta ini diwartakan pada 18 Oktober 2022 bagi membantu mangsa tampil melaporkan kes gangguan seksual supaya tindakan



Menteri PWKM, Dato' Seri Nancy menyempurnakan pelepasan Funwalk sempena siri Jerayawara KASIH KPWKM di Kelantan.

sewajarnya dapat diambil dan remedi dapat diberikan kepada mangsa.

Penguatkuasaan akta ini sudah dilaksanakan secara berperingkat mulai 28 Mac 2023 membabitkan takrifan gangguan seksual dan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga membangunkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigungguan Seksual berdasarkan seksyen 25 Akta 840.

Akta ini digubal sebagai suatu dasar baharu yang lebih inklusif dalam menangani perlakuan gangguan seksual dan sebagai alternatif kepada perundangan sedia ada seperti Akta 574 Kanun Keseksaan.

Akta ini diharapkan dapat membantu mangsa untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan remedi dapat diberikan kepada mangsa.

Susulan daripada penggubalan Akta 840 ini, KPWKM melaksanakan Program Advokasi Antigungguan Seksual (AAGS) bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai gangguan seksual; menyebarkan dan memaklumkan mengenai garis panduan dan notis antigungguan seksual kepada semua lapisan masyarakat.

AAGS ini juga dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial yang disediakan oleh KPWKM te-



DR Ahmad Zahid di Majlis Perasmian Jerayawara Antigungguan Seksual.

utama dalam menangani gangguan seksual serta menjalinkan kolaborasi strategik dengan semua pihak bagi meningkatkan pencegahan dan kesedaran gangguan seksual.

Program Advokasi ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pendidikan mengenai gangguan seksual agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan.

Pelaksanaan ini juga adalah selaras dengan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang berkuatkuasa 1 Januari 2023 yang turut mewajibkan majikan mempamerkan notis mengenai gangguan seksual di tempat kerja.

KPWKM membangunkan notis antigungguan seksual yang boleh dimuat turun melalui Kod QR dan laman web Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) untuk dipaparkan di setiap organisasi termasuk premis awam dan swasta.

Program Jerayawara Advokasi Antigungguan Seksual dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk

Sosial Malaysia turut melaksanakan Bengkel Kejurulatihan bagi Antigungguan Seksual di enam zon iaitu Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak.

Kementerian berhasrat untuk meneruskan program advokasi pada tahun hadapan bagi memastikan lebih ramai rakyat terdidik dan memahami isu gangguan seksual dan seterusnya mampu mewujudkan satu ekosistem yang lebih kondusif dan selamat untuk semua.

Program AAGS ini dilihat berjaya mencapai objektifnya untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berkaitan antigungguan seksual kepada masyarakat.

Ini berdasarkan dapatan soal selidik yang dijalankan oleh KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) membabitkan 14,526 responden yang mendapati 97.6 peratus daripada responden telah mencapai tahap kefahaman tinggi berkaitan Antigungguan Seksual.

Ia juga berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai bagi melaporkan kes berkaitan gangguan seksual.

Ini berdasarkan jumlah kes yang dilaporkan kepada Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) sewaktu pelaksanaan 13

Program Jerayawara sebelum ini iaitu sebanyak 1,317 kes berbanding kes yang dilaporkan kepada PDRM iaitu sebanyak 477 kes pada tahun 2022.

Daripada 1,317 kes yang dilaporkan, 368 kes (28 peratus) daripadanya membabitkan mangsa lelaki. Ini menunjukkan bahawa mangsa termasuk golongan lelaki mula berani tampil untuk membuat aduan berkaitan gangguan seksual.

Dalam usaha melaksanakan advokasi antigungguan seksual ini, KPWKM juga berjaya memperkukuhkan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan mahupun swasta serta Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri.

KPWKM akan mempergiatkan lagi kempen advokasi ini dan berharap semua pihak agar terus berkongsi maklumat mengenai Advokasi Antigungguan Seksual bagi memastikan lebih ramai memahami mengenai perkara ini.

Semua pihak diharapkan dapat memandang serius terhadap isu ini dan memainkan peranan masing-masing dalam memberantas gejala gangguan seksual serta bersama-sama menggerakkan advokasi "Katakan Tidak Kepada Gangguan Seksual".



KATAKAN TIDAK KEPADA GANGGUAN SEKSUAL

#HentikanGangguanSeksual





TAJUK :	DUO BELIEVED TO BE PARENTS REMANDED		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	30 NOV 2023	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

4 ABANDONED SIBLINGS

Duo believed to be parents remanded

IPOH: Two individuals believed to be the parents of four children who were abandoned at the guardhouse of the Perak Tengah Administrative Complex in Kampung Gajah last week have been remanded until tomorrow.

The remand order on the couple, both in their 30s, was issued by the Parit magistrate's court to assist in investigations.

The male suspect was remanded for four days starting Tuesday, while the woman was remanded for three days starting yesterday.

Perak Tengah police chief Superintendent Hafezul Helmi Hamzah said the two individuals were arrested separately after he received a report about the incident from Kampung Gajah So-

cial Welfare Department staff.

He said the investigation found that four siblings, comprising boys aged 11 years, three years and a 10-month-old baby, as well as a six-year-old girl, were abandoned by a man riding a Modenas Kriss motorcycle.

Also left with them was a plastic package containing only milk and disposable diapers.



TAJUK : KPWKM TACKLING SEXUAL HARASSMENT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

MORE INCLUSIVE POLICY

KPWKM tackling sexual harassment

New advocacy programme rollout is in line with the 2022 amendment to the Employment Act effective since Jan 1

DANIEL AHMAD
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

harassment and dispel the notion that certain behaviours are harmless.

THE Women, Family, and Community Development Ministry (KPWKM) has initiated a comprehensive Sexual Harassment Advocacy Programme (AAGS) aimed at addressing and preventing sexual harassment.

This initiative follows the recent implementation of the Sexual Harassment Act 2022 (Act 840), representing a substantial move in establishing a legal framework specifically designed to address and combat sexual harassment.

In a statement, the ministry said the programme — launched in response to the pressing issue of underreported incidents — is designed to raise awareness, educate the public, and encourage a cultural shift in the perception of sexual harassment.

The aim is not only to inform the public about the legal measures in place, but also to create a cultural shift in attitudes towards sexual

The ministry said the programme's rollout is in line with the 2022 amendment to the Employment Act, effective since Jan 1, which compels employers to exhibit notices addressing sexual harassment in the workplace.

KPWKM has developed anti-sexual harassment notices that can be downloaded through QR codes and the Department of Women Development (JPW) website for display in every organisation, including on public and private premises.

The ministry has also formulated guidelines for executing the AAGS in accordance with Section 25 of Act 840 through JPW.

This act serves as a more inclusive policy to address sexual harassment and is an alternative to existing legislation such as the Penal Code Act 574.

It is also expected to assist victims in reporting incidents of sexual harassment so that appropriate actions can be taken and remedies can be provided to them.



Some of the participants who attended the Sexual Harassment Advocacy Programme roadshow. PIX COURTESY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT MINISTRY



PUTRAJAYA LAKESIDE



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi handing over an anti-sexual harassment sign to a representative during the Sexual Harassment Advocacy Programme.

Through the Malaysian Social Institute, KPWKM also conducted training workshops for AAGS in six zones, specifically in the north, central, south and east of the peninsula, as well as Sabah and Sarawak.

It stated that the AAGS programme had increased understanding and awareness of sexual harassment in the community.

This is based on a survey conducted by KPWKM through the JPW involving 14,526 respondents, where 97.6 per cent exhibited a high level of understanding of sexual harassment.

The programme has also increased public awareness of the importance of reporting sexual harassment cases.

A KPWKM statement revealed that during the 13 previous advocacy programmes, 1,317 cases were reported to the Social Support Centres compared with 477 cases reported to the police last year.

Of the reported cases, 28 per cent involved male victims, indicating that they are gaining more confidence in reporting sexual harassment incidents.

In its fight against sexual harassment, KPWKM has enhanced collaborative efforts with government departments, private entities and non-governmental organisations (NGOs) at both the national and state levels.

These include the police, Health Ministry, Domestic Trade and Cost of Living Ministry, Public Service Department, Human Resources Ministry and Education Ministry, as well as private agencies such as Express Rail Link Sdn Bhd, RHB Bank, KPJ Health, Tenaga Nasional Berhad and higher education institutions.

Up to Oct 31 this year, 65 AAGS programmes were implemented this year, involving 25,251 participants.

The ministry said they plan to continue and expand AAGS programmes in the coming year, emphasising the importance of education and creating a safer environment for everyone.

This initiative marks a significant milestone in Malaysia's commitment to addressing sexual harassment and fostering a culture of respect and safety for its citizens.

The AAGS programme featured activities such as educational sessions on sexual harassment conducted by diverse agencies, includ-


ing the police, JPA, Department of Labour, and Health Ministry.

Additionally, an exhibition was organised, showcasing agencies under KPWKM and collaborations with key partners like the Employees Provident Fund, Social Security Organisation and Legal Aid Department.

These entities provided services and assistance to the 19,373 participants who attended the programme.

The AAGS programme was officially launched by the deputy prime minister on May 29.

It commenced in Penang on July 6 and concluded in Johor on Nov 19.



TAJUK : RESIDENTS DISCOVER ABANDONED NEWBORN GIRL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



The newborn being held by the residents who found her.

Residents discover abandoned newborn girl

KUCHING: A newborn baby girl with her umbilical cord still attached was discovered by residents in Bandar Baru Semariang here yesterday.

In confirming the matter, Kuching police chief ACP Ahsmon Bajah said the case is being investigated under Section 317 of the Penal Code.

"The baby when found was in good health.

"She has been sent to Sarawak General Hospital for further medical checks," he said in a statement, adding the infant would also be referred to the Welfare Department for further


action.

Ahsmon also called on those with information on the case to go to the nearest police station to assist in the investigation.

Earlier, a video circulating on social media showed the newborn being rescued by residents from what appeared to an area with secondary jungle.

A woman could be seen wrapping the baby in a towel as several other concerned women gathered around her.

The baby was later brought to an eatery, where the concerned women attempted to make her more comfortable.



TAJUK : '22 CHILDREN HARMED DAILY'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'22 children harmed daily'

Nancy: Kids in abuse cases placed at Welfare Department shelters

AN average of 22 child abuse cases are handled by the government per day as of August this year.

This is based on statistics provided by the Women, Family and Community Development Ministry which revealed that the Welfare Department had treated about 5,200 children who suffered from various forms of abuse and neglect.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said they consisted of 1,240 cases of physical abuse, 1,603 of

sexual abuse, 73 emotional abuse, 1,530 cases of neglect and 156 cases of children who were abandoned or orphaned.

"There were also 614 cases involving various factors," she said during the question and answer session.

She said the children in these cases have been placed at Welfare Department shelters.

"Some were placed under adoptive parents or people who are qualified and suitable.

"Others were returned to their

respective families after it was assessed that there were no detrimental threats to the child," she said.


Nancy was responding to William Leong (PH-Selayang), who asked a supplementary question about the latest statistics involving child abuse cases that required protective intervention by the Welfare Department.

According to her, after a vulnerable child is placed under the care of foster parents or guardians appointed by the court, another

individual deemed suitable by the court would oversee the welfare of the affected child every three months.

"The guardian or the appointed individual will make an appointment with the foster parent or OYLS to be present at the JKM (office) or to have a house visit," Nancy said.

Earlier this month, the JKM reported an increase in cases from 5,858 cases in 2020 to 6,144 to 2021 to, and to 6,770 last year.



TAJUK : **PARLIAMENT GIVES SUHAKAM MORE BITE**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **30 NOV 2023**

M/SURAT : **06**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Parliament gives Suhakam more bite

"WE need to grow its teeth first before it can have fangs."

This was expression used by Datuk Seri Azalina Othman Said on amendments to give the Malaysian Human Rights Commission (Suhakam) more bite and dispel the notion that it was a toothless tiger.

"These (amendments) are a new step for us. We all agree that we want a Suhakam with teeth, but before the teeth turn to fangs, we have to first grow its teeth.

"And this is what we are doing now and maybe in 20 years' time, the teeth would have become long fangs," she said when winding up debates on amendments to the Suhakam Act.

The amendments were passed yesterday after they were tabled on Monday.



Azalina:
'Human rights are also being flouted by the private sector.'
— Bernama

She drew thumbs of approval from the floor after informing MPs that these were the first amendments to Suhakam in over 20 years since the watchdog was first formed in 1999.

Azalina added that the amendments would allow Suhakam to tackle alleged human rights abuses in the private sector.

"The issue of human rights abuse is not confined to enforcement agencies as is usually thought.

"Human rights are also being flouted by the private sector," she said.

Azalina cited her own experience involving some 2,300 stranded Bangladesh workers in her

Pengerang parliamentary constituency in Johor.


"They have been there for two months with no money to eat.

"Some suggested they ask me to give them food because I am Pengerang MP besides being in charge of Suhakam.

"I am torn because I will be scolded if I don't provide them with food," she said before asking Human Resources Minister V. Sivakumar, who was present in the House to take note of their plight.

Among the key amendments was expanding Suhakam's powers to visit "any place of detention, institution or other place."

She said this would allow Commissioners to visit other places apart from jails and detention centres.



TAJUK : 5,000 CHILD ABUSE CASES AS OF AUGUST

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

5,000 child abuse cases as of August

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry, through the Social Welfare Department, has handled 5,216 child abuse cases as of August.

Its minister Datuk Seri Nancy Shukri said the cases involved 1,603 incidents of sexual abuse, 1,530 linked to neglect, 1,240 related to physical abuse, 73 on emotional abuse, 156 involving abandonment or no parents and 614 cases connected to other factors.

"Some of the rescued children are at our institutions and some return to their families after assessments deemed environment no longer posed a risk to the children," she said during the question and answer session in the Dewan Rakyat yesterday in response to a supplementary question from William Leong Jee Keen (PH-Selayang) on the statistics of abused children requiring protection. – Bernama



TAJUK : COPS ARREST PARENTS OF ABANDONED SIBLINGS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Cops arrest parents of abandoned siblings

IPOH: Police have arrested two individuals, believed to be the parents of four siblings who were found abandoned at the Perak Tengah administrative complex in Kampung Gajah last Thursday.

"Police arrested the man on Monday and impounded a blue motorcycle and the clothes the man used during the incident," Perak Tengah district police chief Supt Hafezul Helmi Hamzah said yesterday.

"A woman was arrested on Tuesday and her mobile phone was seized.


"Both are being held at the Perak Tengah district police headquarters to assist investigations."

Hafezul Helmi said police opened an investigation paper under Section 33 (a) of the Child Act 2001, because it was suspected that the siblings were left without proper supervision.

On Friday, Hafezul Helmi said four siblings were abandoned in front of a security post at the complex.

He said the incident involved two boys aged 11 and three, a 10-month-old boy and a six-year-old girl.

The siblings were believed to have been abandoned by a woman who was driving a car. – Bernama



TAJUK : BAYI PEREMPUAN DITINGGALKAN DALAM SEMAK DI BBS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 30 NOV 2023

M/SURAT : 01

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi perempuan ditinggalkan dalam semak di BBS

KUCHING: Penduduk Bandar Baru Samariang (BBS) di sini dikejutkan dengan penemuan bayi perempuan yang dipercayai ditinggalkan di dalam semak di salah satu lorong di kawasan perumahan tersebut, semalam.

Bayi tersebut dipercayai baru dilahirkan kerana masih bertali pusat.

Difahamkan, bayi tersebut telah dibawa ke sebuah kedai berhampiran untuk dibersihkan sementara menunggu ketibaan pihak berkuasa.

Anggota polis turut hadir di lokasi kejadian selepas menerima laporan berhubung kejadian.

Sumber memberitahu, bayi tersebut kemudian dibawa ke Hospital Umum Sarawak (HUS) untuk pemeriksaan kesihatan.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Ahsmon Bajah semasa dihubungi mengesahkan kejadian tersebut dan memberitahu pihaknya akan mengeluarkan kenyataan media.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian juga boleh tampil membantu siasatan dengan menyalurkannya di mana-mana balai polis berhampiran.



COMEL: Bayi tersebut didukung seorang wanita sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.